

From: CEDI
Sent: Khamis, 13 April 2017 12:27 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Jauriyah bt. Shamsuddin; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli
Subject: 64 PELAJAR TELAH MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN BERSTRUKTUR ANJURAN CEDI



13 April 2017 / 16 Rejab 1438 Hijrah
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

64 PELAJAR TELAH MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN BERSTRUKTUR ANJURAN CEDI



CEDI ONLINE: Bagi menyediakan landasan yang betul untuk menjalankan perniagaan sebelum menamatkan pengajian kepada pelajar UUM, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi

(CEDI) telah menganjurkan program pembangunan keusahawanan berstruktur iaitu program Francais Usahawan Francais Siswazah (PUFS) dan program Start-up melibatkan penyertaan seramai 64 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda, UUM dalam pelbagai bidang.

Program yang berlangsung dari 31 Mac hingga 4 April 2017 di Copthorne Orchid Hotel, Pulau Pinang ini merupakan fasa 3 bagi kedua-dua program ini iaitu “Bengkel Latihan Modul Keusahawanan & Perancangan Perniagaan Francais” dan “Bengkel Latihan Modul Keusahawanan & Softskill.

Melalui program ini, peserta didedahkan dengan ilmu keusahawanan dalam semua aspek seperti pengurusan kewangan, pemasaran, rancangan perniagaan, undang-undang perniagaan, etika dalam perniagaan, penyediaan *business model canvas* (BMC), keterampilan diri usahawan dan sebagainya.

Selain itu program ini diadakan sebagai platform latihan keusahawanan dan kemahiran pengurusan perniagaan kepada pelajar dan pemindahan serta perkongsian ilmu dua hala antara pelajar dan mentor akademik yang dilantik. Ia juga mampu memberi penyediaan awal kepada golongan mahasiswa untuk mengendalikan perniagaan mereka khususnya semasa menjalankan perniagaan didalam kampus.

Modul-modul telah disampaikan oleh tenaga pengajar berpengalaman dalam kalangan pensyarah UUM dari kolej COB, CAS dan COLGIS yang juga merupakan mentor akademik bagi kedua-dua program ini. Turut hadir ialah pegawai daripada Perbadanan Nasional Berhad (PNS), En. Mohd Fuad Halim dan beberapa orang usahawan antaranya daripada Weeda Rich Enterprise (eyda ice cream), Seleraku Trading Sdn Bhd (Sempoi Oblong) dan Jeruk Madu Perlis, yang dijemput untuk berkongsi maklumat dan peluang perniagaan yang boleh diceburi.

Program ini merupakan antara program keusahawanan yang telah mendapat peruntukan dana daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tahun 2016.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN & KOPERASI (CEDI)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
SINTOK KEDAH
TEL : 04- 9284871/4874
FAKS : 04-9284909



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.